



Menyelami Hidup Anda

AZAM ROHANI
UNTUK WANITA

KEMENTERIAN
Pembangunan
Wanita, Keluarga
dan Masyarakat
bertanggungjawab
menjaga
kebijakan
masyarakat
Malaysia secara
holistik.



ROHANI menunjukkan pelekat Wanita Anti Jenayah dan Talian Nur yang ditampal pada cermin hadapan kenderaan selepas merasmikan Seminar Wanita Anti-Jenayah: Respek Wanita di Dewan Auditorium Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan di Shah Alam pada Mei lalu.

KANAN: Rohani bersama para pegawainya mengambil pendekatan turun padang untuk mengenali masyarakat dengan lebih dekat.



KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARAGA DAN MASYARAKAT

Usaha penuhi 30

peratus kuota wanita



Oleh IZYAN LIYANA MOHD. DARIF
dan SUHANA MD. YUSOP
rencah@isye.com.my

SAAT nama beliau diumumkan sebagai Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 15 Mei lalu, Datuk Rohani Abdul Karim tergamam.

Beliau tidak menyangka akan menyandang portfolio tersebut.

Namun Rohani teruja apabila diberi kepercayaan untuk memimpin sebuah kementerian yang bukan sahaja menjaga kebijakan golongan wanita, malah setiap lapisan masyarakat tanpa mengira kaum, agama dan latar belakang.

"Saya bersyukur kerana dipilih dan kehadiran saya di sini mendapat sokongan daripada banyak pihak. Mandat yang diberi oleh pemimpin akan dilaksanakan sebaik mungkin," katanya ketika menerima kunjungan *Kosmo!* di pejabat Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Persiaran Perdana, Putrajaya baru-baru ini. Pejabat Rohani di tingkat 38 bangunan itu ialah pejabat tertinggi di Putrajaya.

Rohani yang dilahirkan pada 3 Januari 1955 di Simanggang, Sarawak merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Sains dan Perniagaan Tani dari Universiti Pertanian Malaysia. Pernah melanjutkan pengajian di Universiti Ohio, Amerika Syarikat dalam jurusan Sarjanan Pengurusan Perniagaan, Rohani berkecimpung dalam bidang politik sekitar tahun 1990.

Ibu tunggal kepada tiga orang cahaya mata itu memulakan kerjaya sebagai

guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Kuching, Sarawak pada tahun 1980.

Beliau juga pernah berkhdimat sebagai Penganalisis Pengurusan di Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia dan memegang jawatan Pengarah Biro Wanita Kementerian Pembangunan Sosial Negeri di Sarawak.

Mulakan tugas secara rasmi di KPWK pada 17 Mei lalu, Rohani memberitahu, beliau mula mencintai tanggungjawab baharu yang diamanahkan kepadanya.

Setiap program, keperluan dan lapan kelompok sasar kementeriannya diteliti satu persatu agar tidak terlepas pandang.

Kebijakan masyarakat

Lapan kumpulan tersebut terdiri daripada warga emas, kanak-kanak, wanita, golongan miskin, keluarga, papa dan Orang Kelainan Upaya (OKU).

"Kementerian ini sangat penting kerana ia bukan sahaja menitikberatkan golongan wanita tetapi melibatkan kebijakan masyarakat secara holistik."

"Saya menyifatkan kementerian ini sensitif tetapi dinamik. Sehubungan itu, setiap program dan tindakan perlu diteliti sebaik mungkin supaya mencapai sasaran. Sekiranya tersilap langkah ia memberi impak negatif kepada kementerian," ujar Rohani.

Wanita yang memiliki sifat peramah dan gemar berjenaka itu merupakan Ahli Parlimen wanita yang pertama dari Sarawak.

Beliau ialah Naib Presiden Sayap Wanita Parti Pesaka Bumiputra Bersatu (PBB) yang bertanding buat kali pertama di Parlimen Santubong pada tahun 1990 dan kelak sebagai penyandang di kerusi tersebut untuk tiga penggal berturut-turut sebelum berpindah ke Parlimen Batang Lupar pada tahun 2004.

Pada Pilihan Raya Umum ke-13, Rohani turus mempertahankan kerusi Parlimen itu apabila menewaskan calon Parti Keadilan Rakyat, Abang Zulkifli Abang Engkeh dengan majoriti undi sebanyak 10,964.

Pada 8 Mac 2008 beliau dilantik sebagai Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani sehingga 3 April 2009. Pada 9 April tahun yang sama beliau menjawat jawatan Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

Menurutnya, pengalaman ketika bertugas di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta KPDNKK sebelum ini akan digunakan sebaik mungkin demi kebaikan rakyat.

Jelasnya, berkecimpung dalam bidang politik selama 22 tahun bukan satu perjalanan yang mudah. Terlalu banyak kenangan manis dan pahit serta rintangan yang perlu diatasi.



ROHANI menerima kunjungan hormat pemimpin wanita dari Poland, Agnieszka Koslowska Rajewicz di pejabatnya di Putrajaya baru-baru ini.